



TERMA DAN SYARAT KEMPEN BSN 'GO CASHLESS WITH BSN'
TERMS AND CONDITIONS BSN 'GO CASHLESS WITH BSN' CAMPAIGN

1. TEMPOH KEMPEN / CAMPAIGN PERIOD

Kempen BSN 'Go Cashless with BSN' ("Kempen") adalah Kempen yang dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) bermula dari **1 Jun 2025 hingga 30 November 2025 ("Tempoh Kempen")**, melainkan yang dinyatakan sebaliknya oleh BSN dari semasa ke semasa, tertakluk kepada terma dan syarat bagi Kempen seperti mana yang dinyatakan di bawah ("**Terma dan Syarat**").

*The **BSN 'Go Cashless with BSN' Campaign ("Campaign")** is a Campaign organized by Bank Simpanan Nasional (BSN), commencing from **1st June to 30th November 2025 ("Campaign Period")**, unless otherwise stated by BSN, and is subject to the terms and conditions outlined below ("**Terms and Conditions**").*

2. KELAYAKAN / ELIGIBILITY

2.1. Kempen ini terbuka kepada **Peniaga BSN** baru dan sedia ada di bawah **Inisiatif Masyarakat Tanpa Tunai BSN (Pulau Tioman & Kabong Sarawak)** yang memenuhi syarat-syarat di bawah ("Peserta"):

*This Campaign is open to the new and existing Merchants of BSN under the **BSN's Cashless Society Initiative (Pulau Tioman & Kabong Sarawak)** that fulfills the following conditions ("Participant"):*

- a) Pemegang Akaun Syarikat Giro-i;
Corporate Giro-i Account holder;
- b) Berdaftar dengan BSNeBiz;
Registered with BSNeBiz;
- c) Peniaga yang berdaftar sebagai Peniaga BSN melalui platform BSNeBiz secara automatik layak menyertai Kempen ini; dan
Merchants who are registered as BSN Merchants through the BSNeBiz platform are automatically eligible for this Campaign; and
- d) Memenuhi Mekanisma Kempen yang dinyatakan di Klausula 3 di bawah.
Fulfills the Campaign Mechanism mentioned in Clause 3 below.

2.2. Entiti-entiti/individu yang berikut yang **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini:
*The following entities/individuals shall **NOT BE ELIGIBLE** to participate in this Campaign:*

- a) Semua kakitangan BSN dan ahli keluarga terdekatnya (iaitu suami, isteri, anak-anak dan ibu bapa).
All BSN's staffs and their immediate family members (i.e. spouses, children and parents).

3. MEKANISMA KEMPEN / CAMPAIGN MECHANICS

3.1. Kategori 1: Insentif Bulanan / Category 1: Monthly Incentives

a. Komuniti Tanpa Tunai Pulau Tioman / Cashless Society Pulau Tioman

Saluran / Channel	Kriteria / Criteria	Min. Kemasukan / Min. Entries	Amaun Min. Transaksi / Min. Transaction Amount	Kelayakkan Ganjaran / Reward Eligibility
BSN DuitNow QR	Menerima transaksi masuk melalui Aplikasi Mudah Alih BSN / Receive incoming transactions via BSN Mobile App	250 sebulan/month	RM10,000.00	Lima (5) Peserta dengan nilai transaksi tertinggi/Top five (5) Participants with highest value
Debit Card PayWave	Menerima transaksi masuk melalui POS Terminal yang berdaftar / Receive incoming transactions via registered POS terminals	1,000 sebulan/month	RM100,000.00	Lima (5) Peserta dengan nilai transaksi tertinggi / Top five (5) Participants with highest value

b. Komuniti Tanpa Tunai Kabong, Sarawak / Cashless Society Kabong, Sarawak

Saluran / Channel	Kriteria / Criteria	Min. Kemasukan / Min. Entries	Amaun Min. Transaksi / Min. Transaction Amount	Kelayakkan Ganjaran / Reward Eligibility
BSN DuitNow QR	Menerima transaksi masuk melalui Aplikasi Mobil BSN / Receive incoming transactions via BSN Mobile App	200 sebulan /month	RM10,000.00	Lima (5) Peserta dengan nilai transaksi tertinggi / Top five (5) Participants with highest value
Debit Card PayWave	Menerima transaksi masuk melalui POS Terminal yang berdaftar / Receive incoming transactions via registered POS terminals	500 sebulan /month	RM50,000.00	Lima (5) Peserta dengan nilai transaksi tertinggi / Top five (5) Participants with highest value

Nota: Jika lebih daripada *lima (5)* Peserta yang memenuhi syarat di atas, hanya *lima (5)* Peserta teratas berdasarkan nilai transaksi akan menerima Ganjaran.

Notes: If more than five (5) Participants fulfils the above conditions, only the top five (5) Participants based on transaction value will receive the Rewards.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN BSN 'GO CASHLESS WITH BSN'
TERMS AND CONDITIONS BSN 'GO CASHLESS WITH BSN' CAMPAIGN

3.2 Kategori 2: New BSN Merchant / Category 2: Peniaga Baru BSN

Saluran / Channel	Kelayakan / Eligibility	Penyertaan Minimum Layak / Minimum Qualifying Entries	Jumlah Bonus Pendaftaran Tersedia / Total Onboarding Bonus Available
Peniaga BSN Baharu / New BSN Merchants	Berdaftar sebagai Peniaga BSN dengan eBiz / Registered as BSN Merchant with eBiz	Menerima sepuluh (10) transaksi PayWave Debit Card *unik dalam masa tiga puluh (30) hari / Received ten (10) *unique PayWave Debit Card transactions within thirty (30) days *Setiap transaksi Paywave mestilah melebihi RM1 dan diterima daripada individu yang berbeza./ Each PayWave transaction must be more than RM1 and is received from different individual.	Terhad kepada lima (5) Peniaga BSN baharu bagi setiap projek Masyarakat Tanpa Tunai (iaitu Pulau Tioman & Kabong Sarawak) / Limited to five (5) new BSN Merchants per each Cashless Society project (i.e. Pulau Tioman & Kabong Sarawak)

3.3 Kategori 3: Rujukan Peniaga / Category 3: Merchant Referral

Saluran / Channel	Kelayakan / Eligibility	Bilangan Rujukan / Number of Referrals
Peniaga BSN / BSN Merchants	Berjaya menjemput rujukan untuk mendaftar sebagai Peniaga BSN / Successfully invited the referrals to register as BSN Merchants	Lima (5) rujukan bagi setiap projek Masyarakat Tanpa Tunai / five (5) referrals per each Cashless Society project

4. PEMILIHAN PENERIMA GANJARAN / SELECTION OF REWARDS RECEIVER

4.1. Ganjaran ("Ganjaran") yang ditawarkan kepada Peserta yang berjaya dalam setiap kategori di bawah Kempen ("**Penerima**") adalah seperti berikut:

The rewards ("Reward") offered to the Participants who succeed in each category under the Campaign ("Recipients") are as follows:

Kategori / Category	Kriteria / Criteria	Bilangan Penerima / No. of Recipients	Ganjaran Individu / Individual Reward
Insentif Bulanan / Monthly Incentives	Peserta yang mencatat nilai transaksi tertinggi melalui saluran DuitNow QR atau PayWave di setiap projek Lokasi / The Participants with the highest transaction value via DuitNow QR or PayWave at each project location	Dua puluh (20) Penerima/ twenty (20) Receiver: a. Sepuluh (10) Penerima / Receiver di/ at Pulau Tioman: - Lima (5) Penerima bagi penggunaan saluran DuitNow/ five (5) Receivers for the usage of QR channel.	RM50.00 setiap penerima setiap bulan / RM50.00 per receiver every month

		- Lima (5) Penerima bagi penggunaan saluran PayWave / five (5) Receivers for the usage of PayWave channel b. Sepuluh (10) Penerima / Receiver di/at Kabong Sarawak: - lima (5) Penerima bagi penggunaan saluran DuitNow/ five (5) Receivers for the usage of QR channel - lima (5) Penerima bagi penggunaan saluran PayWave / five (5) Receivers for the usage of PayWave channel	
Bonus Pendaftaran Peniaga Baharu / <i>New Merchant Onboarding Bonus</i>	Peniaga BSN baharu yang berdaftar dengan BSNeBiz dan menerima sepuluh (10) transaksi PayWave yang unik dalam tiga puluh (30) hari / <i>New BSN Merchants registered via BSNeBiz and receive ten (10) unique PayWave transactions within thirty (30) days</i>	Sepuluh (10) penerima (lima (5) setiap projek Masyarakat Tanpa Tunai) / ten (10) Recipients (five (5) every Cashless Society project)	RM30.00 setiap penerima setiap bulan / <i>RM30.00 per receiver every month</i>
Ganjaran Rujukan Peniaga / <i>Merchant Referral Reward</i>	Menjemput lima (5) rujukan yang berjaya mendaftar sebagai Peniaga BSN bagi setiap projek / <i>Successfully refer five (5) merchants who successfully register as BSN Merchants per project</i>	Sepuluh (10) penerima (lima (5) setiap projek Masyarakat Tanpa Tunai) / ten (10) Recipients (five (5) every Cashless Society project)	RM30.00 setiap penerima setiap bulan / <i>RM30.00 per receiver every month</i>

4.2. Pemilihan Penerima akan diadili oleh panel hakim daripada BSN yang terdiri daripada:

The selection of the Recipients will be determined by the panel of judges from BSN comprising of:

Bil. / No.	PANEL HAKIM / PANEL OF JUDGES	
1.	Panel Hakim Panel of Judges	- Jabatan Audit BSN <i>BSN's Audit Department</i> - Jabatan Deposit Pembayaran & Rangkuman Kewangan <i>Deposit, Payment & Financial Inclusion Department</i>

4.3. Pemilihan Penerima oleh panel hakim adalah muktamad. Sebarang rayuan, surat-menyurat dan pertikaian berkenaan keputusan tersebut tidak akan dilayan dan tidak boleh ditentang dengan apa cara sekali pun.

Selection of the Recipients by the panel of judges are final. Any appeal, correspondence and dispute in respect thereto will not be entertained and cannot be challenged in any manner whatsoever.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN BSN 'GO CASHLESS WITH BSN'
TERMS AND CONDITIONS BSN 'GO CASHLESS WITH BSN' CAMPAIGN

- 4.4. Penerima akan dimaklumkan melalui telefon dan/atau surat dan/atau mana-mana kaedah lain yang dianggap sesuai oleh BSN.
The Recipients will be notified by telephone and/or mail and/or any other method(s) deemed suitable by BSN.
- 4.5. Nama semua Penerima akan diumumkan dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Tempoh Kempen berakhir.
The name of the Recipients will be announced within sixty (60) days after the Campaign Period ended.
- 4.6. Setiap Penerima hanya boleh menerima satu (1) Ganjaran setiap bulan yang berkenaan sahaja.
Each Receiver can only receive one (1) Reward in the relevant category every month.
- 4.7. Semua Penerima dikehendaki dalam tempoh 5 hari bekerja mengemukakan salinan kad pengenalan dan dokumen sokongan lain yang disahkan benar sekiranya dikehendaki oleh BSN untuk tujuan pengesahan.
All Recipients shall, within 5 working days submit a certified true photocopy of their identification card and other supporting documents as and when required by BSN for verification purposes.
- 4.8. Peserta tidak dibenarkan dalam apa jua cara sekalipun membuat sebarang transaksi BSN DuitNow QR, BSN Debit Cards PayWave, Pindahan Wang BSN DuitNow atau mana-mana transaksi yang melibatkan saluran tanpa tunai ke dalam akaun mereka sendiri untuk tujuan mencapai kriteria Kempen yang telah ditetapkan. Sekiranya Peserta melakukan perkara yang dilarang ini, secara automatik mereka akan disingkirkan dan ditarik kelayakan menyertai Kempen ini.
The Participants are strictly prohibited from conducting any BSN DuitNow QR transactions, BSN Debit Card PayWave transactions, BSN DuitNow fund transfers, or any other cashless transactions into their own accounts for the purpose of meeting the Campaign criteria. If the Participants are found to have committed this prohibited act, they will be automatically disqualified and deemed ineligible to participate in the Campaign.
- 4.9. Peserta bersetuju bahawa BSN berhak untuk memilih penerima lain bagi menggantikan mana-mana Penerima yang tidak layak atau hilang kelayakan atas apa-apa jua sebab lain sepanjang Tempoh Kempen.
The Participant hereby agrees that BSN reserves the right to select any other receiver to substitute any selected Receiver who is ineligible or disqualified for any reasons whatsoever throughout the Campaign Period.
- 4.10. Sebarang aktiviti yang mempunyai unsur penipuan dan mencurigakan (ditentukan semata-mata oleh BSN), seperti tetapi tidak terhad kepada, pelanggan yang membeli menggunakan saluran tanpa tunai Peniaga BSN berulang kali dalam cubaan untuk meningkatkan bilangan transaksi dan jualan secara penipuan sekalipun dalam apa jua cara akan memberikan hak kepada pihak bank untuk menyingkirkan Peserta tanpa sebarang notis awal.
Any activity involving fraudulent or suspicious elements (as solely determined by BSN), including but not limited to repeated purchases by customers using the BSN Merchant's cashless channels in an attempt to artificially increase the number of transactions and sales by any means, shall entitle the Bank to disqualify the Participant without prior notice.

5. GANJARAN / REWARD

- 5.1. Ganjaran bagi setiap kategori adalah seperti dinyatakan di Klausa 4. Peserta dinasihati untuk menyemak maklumat terkini berkenaan Ganjaran yang dipaparkan di laman web BSN di www.bsn.com.my ("Laman Web BSN") dari semasa ke semasa.
The Reward for each category is as stipulated in Clause 4. The Participants are advised to refer to the updated information of the Prize as published on BSN's website at www.bsn.com.my ("BSN's Website") from time to time.
- 5.2. Semua keputusan yang dibuat oleh BSN berkenaan Kempen ini adalah muktamad terikat ke atas semua Peserta, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat-menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.
BSN's decisions relating to the Campaign is final, binding on all Participants, conclusive and undisputable. No correspondence, appeal and/or attempt to dispute the same will be entertained.
- 5.3. Nama Penerima akan diumumkan melalui surat dan/atau akan dipaparkan di Laman Web BSN atau melalui mana-mana kaedah komunikasi yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa.
The Recipients' names will be announced on through ordinary mail and/or published on BSN's Website, or any other communication method determined by BSN from time to time.
- 5.4. Sekiranya terdapat majlis penyampaian Ganjaran atau acara publisiti lain yang dianjurkan BSN berkaitan dengannya, pihak BSN akan memaklumkan perkara tersebut kepada Penerima melalui apa-apa kaedah yang difikirkan sesuai dan Penerima hendaklah menghadiri majlis penyampaian Ganjaran atau acara publisiti lain tersebut di mana sebarang kos sampingan termasuk tetapi tidak terhad kepada kos perjalanan adalah ditanggung oleh Penerima. Penerimaan Ganjaran oleh wakil Penerima mungkin dibenarkan tertakluk atas budi bicara BSN dan tertakluk kepada penyerahan dokumen sokongan yang ditetapkan oleh BSN.
In the event there is a Prize giving ceremony or any other publicity events organized by BSN in respect thereto, BSN will inform the Recipients on the same via any communication that BSN deems suitable and the Recipients shall attend the said ceremony or event whereby all the incidental costs including but not limited to traveling cost shall be borne by the Recipients. Acceptance of the Prize by the representative of the Receiver(s) may be allowed at the discretion of BSN and subject to the submission of the supporting documents as required by BSN.
- 5.5. BSN berhak, untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis jika Hadiah tersebut tidak tersedia atas apa jua alasan. Semua Hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada', tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, barangan lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
BSN has the right to substitute any of the Prizes with items of equivalent value, at any time without prior notice if the awarded Prizes are unavailable for any reason whatsoever. All Prizes are given on an "as is" basis, are not transferrable and are not exchangeable for cash, other items or voucher, in part or in full.
- 5.6. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Pelanggan, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.

All BSN's decisions relating to the Campaign is final, binding on all Customers, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.

- 5.7. Semua Penerima mesti mematuhi Terma dan Syarat bagi Kempen ini, lain-lain terma dan syarat yang terpakai ke atas mana-mana produk dan perkhidmatan BSN yang berkenaan dengan Kempen ini serta terma dan syarat yang disertakan dengan Ganjaran, sekiranya ada.

All Recipients shall abide to the Terms and Condition of BSN for this Campaign, the terms and conditions which are applicable to BSN's products and services that are relevant to this Campaign and the terms and conditions attached to the Reward, if any.

6. HAK BANK / BANK'S RIGHT

- 6.1 BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, meminda, menggantung atau membatalkan Terma dan Syarat ini dan/atau Kempen ini pada bila-bila masa dan atas apa jua sebab termasuklah tetapi tidak terhad kepada sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN, dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Peserta dan/atau Penerima. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peserta secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right to modify, amend, suspend or cancel these Terms and Conditions and/or this Campaign at any time and for any reason whatsoever including but not limited to in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN, by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Participants and/or the Recipients.. BSN will not be held responsible or accept any liability incurred by the Participants directly or indirectly, caused by the changes.

- 6.2 BSN berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses Kempen atau melanggar Terma dan Syarat. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti yang memberikan kesan buruk kepada Kempen ini serta melanggar Terma dan Syarat ini.

BSN reserves the right, in its sole discretion, to disqualify any Participant that is found or suspected of tampering with the Campaign process or to be in violation of the Terms and

Conditions. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign.

7 LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

- 7.1 Peserta adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini.

Participants shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.

- 7.2 Sebarang kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Peserta untuk menyertai Kempen ini dan/atau untuk menuntut Ganjaran termasuk tetapi tidak terhad kepada kos pengangkutan, penginapan, makan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain (mana-mana yang berkaitan) adalah di bawah tanggungjawab penuh Peserta.

Any cost, fee and/or expenses incurred by the Participants to participate in this Campaign and/or to redeem the Prize including but not limited to the cost for transportations, accommodation, meals, personal costs and/or any other costs (whichever is relevant) is the sole responsibility of the Participants.

- 7.3 BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Kempen ini.

BSN is not responsible for technical problems that prevent any individual from participating in this Campaign.

- 7.4 BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu kepada mana-mana Peserta daripada penyertaan Kempen.

BSN does not guarantee or promise any specific results to any Participant from participating in this Campaign.

8 DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

- 8.1 Dengan menyertai Kempen ini, Peserta dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada:

- a) untuk menggunakan dan menzahirkan Data Peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini selaras dengan Notis Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Web BSN; atau
- b) untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau
- c) untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau
- d) untuk mengesahkan status akaun Peserta dengan mana-mana pihak ketiga (jika berkenaan); atau
- e) apabila diminta secara bertulis oleh Peserta; atau
- f) untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan

terma dan syarat di bawah Notis Privasi, terma dan syarat di bawah Notis Privasi akan diguna pakai.

By participating in this Campaign, the Participants hereby voluntarily give express consent to BSN and/or its affiliates and/or third-party service providers engaged by BSN, if any, and consent to their personal details including without limitation to personal data or information being collected, processed and used by BSN and/or third-party service providers engaged by BSN, if any:

- a) to use and disclose the Personal Data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Campaign in accordance with BSN's Privacy Notice, which may be viewed on BSN's website; or*
- b) to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or*
- c) to comply with a Court order or direction; or to verify the Participant's account status with any third party (if relevant); or*
- d) where the Participants request in writing; or*
- e) to protect and defence BSN or BSN's asset.*

In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with the terms and conditions under the Privacy Notice, the terms and conditions under the Privacy Notice shall prevail.

- 8.2 Peserta memberi kuasa kepada BSN untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun Peserta atau perkhidmatan perbankan dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut, jika berkaitan.

The Participants hereby authorises BSN to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit in connection with the Participant's account or banking services and authorises such disclosure by such person, if relevant.

- 8.3 Peserta mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

Participants have the right at any time to:

- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi; Withdraw their consent for the use of Personal Data;*
- b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan Request for any correction/update of Personal Data; and*
- c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN. Raise any questions regarding the use of Personal data by contacting BSN as stated in the BSN's Privacy Policy.*

- 8.4 Peserta bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Kempen ini dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Kempen ini oleh Peserta yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Peserta.

The Participants agree that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in this Campaign and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the Participants' participation in this Campaign associated with such Personal Data by giving notice to the Participants.

9 TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

9.1 Dengan menyertai Kempen, Peserta telah dianggap bersetuju:
By participating in this Campaign, the Participants are deemed to have agreed:

- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, terma dan syarat produk BSN yang berkaitan dan terma dan syarat yang lain yang terpakai yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan; dan
To be bound by the Terms and Conditions herein, the terms and conditions of the relevant BSN's product(s) and any other applicable terms and conditions that BSN may impose from time to time including any amendment thereto; and
- b) Untuk mengakses Laman Web BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Peserta sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.
To access to BSN's Website on regular basis to ensure that the Participants are updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.

9.2 Dalam semua keadaan, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaian atau sebaliknya, berkaitan Kempen dan/atau Ganjaran. Penerima perlu berurusan secara langsung dengan pengilang untuk maklumat jaminan atau tuntutan Ganjaran tanpa perlu melalui BSN (jika berkenaan).
In all circumstances, BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign and/or Reward. The Receiver is advised to contact the Rewards manufacturer directly for such warranty information or claim without recourse to BSN (if applicable).

9.3 BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Peserta dan/atau Penerima yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik, peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.
BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by the Participants and/or the Recipients resulting, directly or indirectly, from participation in Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be liable for any default of its obligation under Campaign due to any force majeure

event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.

- 9.4 Dengan menyertai Kempen, Peserta dan/atau Penerima dengan ini memberi kebenaran kepada BSN hak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumat Peserta untuk tujuan berkaitan Kempen termasuk untuk pengiklanan semasa dan akan datang, tujuan promosi dan pengumuman Penerima, dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN. Peserta dan/atau Penerima tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk ganti rugi ke atas butiran yang diterbitkan atau dipamerkan tersebut.

By participating in the Campaign, the Participants and/or the Recipients consent to BSN the right to publish or display the name, picture or any other information of the Participants for any purpose relating to the Campaign including current and future advertising, promotional purposes and Receiver announcement, in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate. The Participants and/or the Receiver(s) are not entitled to claim for the ownership or any other type of compensation on such details that are published or advertised.

- 9.5 Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak BSN.

In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not covered in these Terms and Conditions will be determined solely by BSN at its discretion.

- 9.6 Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia. *These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.*

- 9.8 Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Kempen BSN 'Go Cashless with BSN' ("Kempen"), sila layari www.bsn.com.my.

For more information and query relating to the BSN Campaign 'Go Cashless with BSN', please visit www.bsn.com.my.

- TERMA DAN SYARAT TAMAT -
- END OF TERMS AND CONDITIONS-